



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

FTROADPEDIA UTARA 2.0 KEDAH

KUALA LUMPUR: Program FTRoadpedia Utara 2.0 anjuran Kementerian Kerja Raya (KKR) 2022 telah memberi tumpuan kepada tinjauan kerja penyenggaraan pasca banjir di negeri Kedah, dengan Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof meninjau lokasi pembaikan cerun di laluan K1 Jalan Kuala Kedah, Yan, Singkir dan Kg. Badong serta kerja-kerja pembaikan pasca banjir Gunung Jerai, Yan, Kedah.

Terdapat 10 lokasi pembaikan cerun di kedua-dua lokasi berkenaan, dengan 7 lokasi telah siap kerja pembaikan sepenuhnya, manakala 3 lagi lokasi masih dalam proses pembaikan dengan kemajuan projek antara 70% ke 90%.

Bagi lokasi K1 Jalan Kuala Kedah, Yan, Singkir dan Kg. Badong, ianya melibatkan laluan Jalan Negeri di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya, negeri Kedah. Kerja pembaikan cerun di laluan ini melibatkan kaedah pembaikan *tieback wall*, *soil nail* dan *guniting* dan telah siap sepenuhnya pada Mac 2022. Anggaran kos keseluruhan adalah sebanyak RM3.76 juta.

Tinjauan kedua FTRoadpedia Utara 2.0 adalah di lokasi kejadian bencana kepala air dan banjir lumpur yang berlaku pada 18 Ogos 2021 yang telah menjejaskan kira-kira 1,000 penduduk di kaki Gunung Jerai terutama di Yan, Gurun dan Merbok di Kuala Muda.

Susulan kejadian itu, JKR telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan cerun di tujuh (7) lokasi di sepanjang laluan di Jalan Persekutuan, Gunung Jerai FT252. Kerja-kerja pembaikan ini dijangka siap sepenuhnya pada 24 April 2022 dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM 9.5 juta.

Kajian terperinci di seluruh kawasan Gunung Jerai telah dilaksanakan bagi mengenal pasti risiko berlakunya bencana geologi. KKR akan sentiasa memastikan kesiapsiagaan yang tinggi dalam menghadapi bencana yang berlaku setiap tahun. Jabatan Kerja Raya telah diarahkan untuk melaksanakan langkah berjaga-jaga dan membuat persiapan yang rapi dari aspek tenaga kerja, jentera dan juga logistik.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

19 MAC 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur